

## **Pengusaha minta pengguna berhati-hati produk tiruan**

**SHAH ALAM** - Pengguna produk minuman kesihatan untuk wanita jenama Harum Malam diingatkan agar berhati-hati dengan produk tiruan yang dikesan mula dijual di Selangor, Pulau Pinang, Perak dan beberapa negeri lain.

Pengarah Urusan InHealth Beauty (M) Sdn Bhd, Rusniza Rusli berkata, produk tiruan itu mula dikesan pada dua minggu lalu selepas pelanggan mengadu mengalami gejala sakit perut dan tekak selepas mengambil jus tersebut.

Menurutnya, berpandukan maklumat orang awam, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas produk tiruan itu dalam satu serbuan di Georgetown, Pulau Pinang kelmarin.

"Kami mula mengesan produk tiruan ini dua minggu lepas apabila pelanggan mengadu rasanya berlainan dan mereka sakit perut dan tekak selepas minum produk berkenaan.

"Kami buat siasatan dan turun ke seluruh negeri, kami dapati rupanya ia sudah berleluasa. Hampir setiap negeri ada menjual produk tiruan jus Harum Malam," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, produk tulen mempunyai pelekat hologram yang boleh diakses melalui aplikasi media sosial WeChat dan ada beberapa langkah selepas ia diakses.

"Dalam produk tiruan itu, mereka boleh akses tapi hanya sekerat jalan. Ia akan memaparkan gambar Millgen, pengedar tunggal kami. Untuk produk asli, selepas langkah pertama itu akan ada tawaran istimewa buat pembeli.

"Untuk produk tiruan, tiada langkah kedua, hanya langkah pertama. Biasanya pembeli hanya sampai ke peringkat pertama dan rasakan ia ialah asli. Saya sarankan, akses langkah seterusnya untuk pastikan ketulenan produk anda beli," katanya.

Menurutnya, peniaga produk tiruan juga menggunakan taktik menjual produk minuman kesihatan itu dengan harga jauh lebih murah bagi menarik pelanggan.

"Tawaran mereka, beli satu percuma satu. Harga kepada pemborong pun tidak semurah itu. Jadi kalau ada yang menjual dengan harga murah, maka tanpa syak lagi, itu adalah produk tiruan," katanya.

Menurutnya, pelanggan yang terbeli produk tiruan tersebut boleh membuat laporan kepada KPDNHEP atau menghubungi ibu pejabatnya untuk tindakan lanjut.